

## Sekapur Sirih



Bangsa Melayu kini berada di persimpangan jalan penentuan. Banyak cabaran yang mesti dihadapi. Tidak kurang pula masalah yang perlu diatasi. Cabaran serta masalah ini boleh menimbulkan bermacam-macam reaksi. Acapkali orang mudah kehilangan punca dan tersilap sasaran. Sering pula terlalu banyak 'api' yang dinyalakan untuk membakar semangat dan, jika tidak terkawal, akan hanya mengakibatkan kemusnahan yang tidak punya apa-apa erti.

Saya percaya setiap rakyat negeri ini inginkan perubahan besar bagi bangsanya. Tetapi rnatlamat yang hendak dicapai dan jalan menuju kepadanya tentu berbeza-beza. Paling nyata ialah kita tidak boleh berpandukan hanya kepada perasaan. Kenyataan yang lengkap, analisis yang jelas dan sikap yang tegas perlu menjadi panduan kepada segala dasar dan tindakan.

Dalam buku ini saya cuba membincangkan masalah masalah besar yang dihadapi bangsa Melayu, ditinjau dari sudut-sudut sejarah, sosial, agama, politik dan ekonomi secara kait-mengait. Saya cuba juga menganalisis pelbagai kernungkinan masa depannya. Saya yakin bahawa untuk memastikan masa depan yang terjamin, maka perlulah diutamakan kepentingan negara dan bangsa kita sendiri, bukannya negara dan kuasa asing yang mungkin lebih maju sena kuat; dan kepentingan rakyat

bawahan yang terbanyak bukannya segelintir manusia di peringkat atasan. Analisis ini dilakukan dengan penuh keikhlasan atas dasar kajian, fikiran dan sikap saya sendiri.

Agak penting juga diterangkan bahawa buku ini telah disiapkan dalam keadaan serba tertekan dan terkongkong, iaitu semasa saya berada dalam tahanan politik di Kemunting, Perak. Saya ditangkap pada jam 2.00 pagi, 4 Disember 1974, berikutan demonstrasi pelajar yang membantah kemiskinan, inflasi dan kecurangan selepas perarakan besar yang dilancarkan oleh berpuluh ribu petani di Baling, Sik dan beberapa tempat lain.

Pada 2 Julai 1976, setelah 18 bulan di Kemunting, saya dipindahkan ke suatu tempat yang tidak diketahui di Kuala Lumpur. Selama enam bulan lebih saya ditempatkan dalam kurungan itu, saya merancang buku ini dalam minda saya. Apabila dihantar kembali ke Kemunting pada pertengahan Januari 1977 saya terus menulisnya dan dalam masa sebulan siaplah buku ini.

Saya sedar memang banyak kekurangan yang boleh dicari di dalamnya. Saya lebih memberikan tumpuan kepada aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik. Ini bukan saja kerana saya berasa lebih faham mengenainya, tetapi juga sebab saya percaya bahawa corak masa depan bangsa Melayu bergantung kepada perubahan besar dalam bidang-bidang ini. Ini tidaklah bererti bahawa saya memperkecilkan bidang-bidang lain seperti pelajaran dan nilai-nilai kebudayaan. Saya hanya berharap orang-orang yang lebih arif tentang soal-soal ini akan mengemukakan pula pendapat mereka.

Tentu ramai yang tidak akan menyetujui sesetengah pendapat yang dikemukakan dalam buku ini. Tetapi saya percaya perbezaan pendapat dan perbincangan mengenainya mesti diperluaskan untuk mencari kebenaran. Saya akan berasa puas selamanya buku ini kelak dapat mencetuskan perbincangan dan pemikiran yang mendalam serta sungguh-sungguh mengenai masalah-masalah dan masa depan orang Melayu.

Rakyat memerlukan perubahan yang besar dalam hidup mereka, dan marilah kita sama-sama memastikan bahawa dari persimpangan jalan kini, kita akan bergerak maju kepada matlamat yang dicita-citakan: bebas daripada pelbagai jenis penjajahan, penindasan, kezaliman, kemiskinan, kecurangan dan kemungkar.

**S. Husin Ali**

**23 September 1978**

**Kern Tahanan Politik**

**Kamunting, Perak**